

KUIS SASAR 3,500 PELAJAR BARU SESI MEI, KOLEJ UNIVERSITI ISLAM

Bername News | Siaran Akhbar | 13/04/2010

UNTUK PERHATIAN EDITOR, MEJA AM

Bangi, Selangor : 13 APRIL 2010 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor(KUIS) mensasarkan 3,500 orang pelajar baru bagi sesi kemasukan Mei ini dengan menawarkan 47 Program Pengajian Peringkat Asasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah.

Pelajar-pelajar lepasan SPM yang mempunyai kelayakan minima sekurang-kurangnya 3 kredit berpeluang mengikuti program diploma yang menawarkan pelbagai program antaranya diploma pengajian Islam, perakaunan, perbankan Islam, pengurusan perniagaan, perancangan kewangan Islam, teknologi maklumat, sains komputer, komunikasi, kejururawatan dan pendidikan.

Manakala pelajar-pelajar lepasan STPM dengan kelayakan sekurang-kurangnya 2 Prinsipal boleh memohon untuk mengikuti program pengajian peringkat ijazah sarjana muda.

Antara bidang pengajian yang ditawarkan termasuk Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Undang-undang, Ijazah Sarjana Muda Al-Ouran dengan Komunikasi, Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua, Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab(Terjemahan) dan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Penyiaran).

Selain itu, KUIS turut menawarkan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan E-Dagang, Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Insan, Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Kewangan,, Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Ijazah Sarjana Muda Kewangan Islam pengkhususan Perbankan, Pasaran Modal dan Takaful.

Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Multimedia) dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Rangkaian turut ditawarkan menerusi Fakulti Teknologi dan Sains Informasi.

Sementara itu, pelajar-pelajar lepasan diploma dari mana-mana kolej yang diiktiraf juga layak memohon untuk mengikuti program pengajian peringkat ijazah menerusi pemindahan jam kredit.

Manakala pelajar-pelajar lepasan SPM yang mempunyai kelayakan 5 kredit boleh terus memohon program asasi bagi melayakkan mereka untuk menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda.

Program selama tiga semester itu akan menyediakan pelajar kursus-kursus asas dalam bidang pengajian seperti pengajian Islam, pengurusan perniagaan, komunikasi, teknologi maklumat dan bahasa Arab.

Setelah lulus program asasi tersebut, pelajar-pelajar layak untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang-bidang yang bersesuaian.

Pelajar-pelajar yang mengikuti program asasi akan ditawarkan pembiayaan penuh Tabung Biasiswa Rektor berjumlah RM 10,000 sepanjang pengajian meliputi yuran pengajian dan peperiksaan, yuran penginapan asrama beserta elaun sara diri.

KUIS merupakan sebuah IPTS yang ditubuhkan pada tahun 1995 bertujuan melahirkan lebih ramai profesional Islam yang mampu memimpin masyarakat serta membangun dan mengembangkan ilmu pengetahuan Islam.

Sehingga kini KUIS mempunyai 7,500 orang pelajar termasuk 250 orang pelajar antarabangsa yang datang dari pelbagai pelusuk dunia.

Kampus KUIS yang terletak di Bandar Seri Putra, Bangi di kawasan seluas 104 ekar akan mula menerima pendaftaran pelajar baru pada 3 Mei ini.

Pelajar-pelajar yang berminat bolehlah melayari www.kuis.edu.my atau hubungi 03-89254251 / 03-89265476 untuk maklumat lanjut.

SUMBER : Kolej Universiti Islam Antarabangsa SeLangor (KUIS)

UNTUK MAKLUMAT LANJUT HUBUNGI:

NAMA : Nur AdzLin Ishak

Pengurus

Jabatan Pembangunan Korporat dan Pengantarabangsaan

Kolej Universiti Islam Antarabangsa SeLangor (KUIS)

TEL : 03-89254251

FAKS : 03-89268462

TARIKH SIARAN : 13 APRIL 2010

DISIARKAN OLEN PERHUBUNGAN MEDIA & PENGURUSAN ACARA BERNAMA